

PENGETAHUAN AGAMA ISLAM (2080)

MATLAMAT

Kursus ini mempunyai tiga matlamat:

- 1 Kepercayaan
Supaya pelajar mengetahui dasar-dasar kepercayaan Islam
- 2 Amalan
Supaya pelajar mengetahui ajaran dan amalan-amalan Islam
- 3 Akhlak
Supaya pelajar dapat menunjukkan akhlak Islam dalam kehidupan sehari-harian mereka

PEPERIKSAAN

Peperiksaan ini mengandungi dua kertas:

KERTAS 1 mengandungi dua bahagian, Bahagian A dan Bahagian B. Masa yang diperuntukkan bagi kertas ini ialah 1 jam 15 minit. Markah penuh kertas ini ialah 40.

Bahagian A (20 markah)

Mengandungi 10 soalan yang memerlukan jawapan yang ringkas. Calon dikehendaki menjawab kesemua soalan.

Bahagian B (20 markah)

Mengandungi 4 soalan berbentuk terancang (structured). Calon dikehendaki menjawab kesemua soalan.

KERTAS 2 mengandungi 8 soalan berbentuk esei. Calon dikehendaki menjawab 5 soalan. Masa yang diperuntukkan bagi kertas soalan ini ialah 1 jam 45 minit. Markah penuh kertas ini ialah 60.

SUKATAN PELAJARAN

BAHAGIAN 1

- 1 Asas Kepercayaan Islam
 - Kepercayaan yang penuh dan ikhlas terhadap keesaan Allah
 - Kepercayaan terhadap wahyu daripada Allah melalui nabi-nabi dan rasul-rasul Allah dan Muhammad sebagai nabi dan rasul yang terakhir
 - Kepercayaan pada hukuman untuk mereka yang taat kepada Allah dan menyerahkan nasibnya kepada Allah
 - Kepercayaan terhadap Hari Kiamat dan kebangkitan semua orang yang telah mati

2 Rukun Islam

- Dua kalimah syahadat
- Ibadah sembahyang (rukun, syarat dan kebaikannya)
- Ibadah puasa (kebaikan dan faedahnya)
- Ibadah zakat (tujuan dan kebaikannya)
- Ibadah haji (kebaikan dan rukunnya)

3 Individu dan Keluarga

- Peribadi dan kehalusan budi pekerti
- Perkahwinan dan perceraian
- Tanggungjawab terhadap ibu bapa, anak dan suami/isteri

BAHAGIAN 2

4 Ajaran-ajaran Sosial dan Etika

- Konsep benar, salah, halal, haram dan najasah
- Fardhu Ain dan fardhu kifayah
- Larangan melakukan rasuah
 - sebab-sebab berlakunya rasuah
 - kesan-kesan rasuah
 - rasuah dari kaca mata Islam: contoh-contoh dari sejarah tentang amalan-amalan rasuah (atau sebaliknya) dalam tamadun Islam
- Sikap terhadap pekerjaan/usaha
- Tegahan membazir
- Menghormati undang-undang
 - peranan penting undang-undang dalam masyarakat
 - tuntutan Islam tentang pentingnya mentaati undang-undang duniawi dan agama
- Hubungan dengan orang-orang bukan Islam
 - perwujudan pelbagai bangsa, kebudayaan dan agama di dunia ini
 - ajaran Islam mengenai hubungan berbaik-baik antara pemeluk agama Islam dengan orang bukan Islam dengan contoh-contoh daripada sumber-sumber sejarah Islam

BAHAGIAN 3

5 Sejarah Islam (abad 7 – 13 Masihi)

- Semenanjung Arab sebelum Islam
- Nabi Muhammad s.a.w. dan kebangkitan Islam
- Khulafa al-Rasyidin
- Kebangkitan dan kejatuhan Bani Umayyah
- Kejayaan dan kejatuhan kerajaan Abbasiyah

6 Aliran Pemikiran dan tokoh-tokoh terkemuka Islam

- Fahaman Syi'ah dan Ahli Sunnah
- Kemunculan mazhab-mazhab
- Perkembangan alam fikiran Islam
- Riwayat hidup imam-imam: Malik, Hanafi, Syafii dan Hanbali
- Riwayat hidup pemimpin-pemimpin terkemuka: Al-Walid bin Abdul Malik, Umar bin Abdul Aziz, Harun al-Rasyid, Al-Ma'mun